SINAR HARIAN
10/6/2017

# Jamin tiada kes buli

## UniSZA sentiasa pantau aktiviti penuntut termasuk di asrama



Ahmad Zubaidi (tengah) memberi kata-kata motivasi kepada penuntut baharu UniSZA.

**GONG BADAK** - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) memberi jaminan keselamatan dan kebajikan penuntut diberi keutamaan bagi memastikan tidak berlaku kejadian tidak diingini termasuk buli.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi A Latif berkata, meskipun tiada rekod kes buli dalam kalangan penuntut universiti berkenaan, namun langkah pencegahan tetap diambil.

"Pihak universiti terutama bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni sentiasa memantau aktiviti penuntut termasuk di asrama. Oleh itu penuntut terutama penuntut baru dan ibu bapa tak perlu risau mengenai keselamatan anak-anak mereka sepanjang belajar di sini.

"Selain itu, mana-mana penuntut yang merasakan mereka dibuli atau seumpamanya diminta melaporkan segera kepada kakitangan atau pengurusan bagi membolehkan tindakan segera diambil," katanya pada Majlis Penutup Minggu Mesra Siswa Diploma Sesi 2017/2018 di UniSZA Kampus Gong Badak.

Bagi sesi kali ini, sebanyak 1,300 tempat ditawarkan kepada penuntut bagi mengikuti pelbagai kursus di kesemua 12 fakulti terdapat di universiti berkenaan.

Menurut Ahmad Zubaidi, pihaknya memandang serius kes membabitkan buli kerana mampu memberi kesan negatif terutama kepada penuntut yang dibuli.

Tambahnya, kes membabitkan seorang penuntut universiti yang dibuli dan dicederakan lebih 30 orang menggunakan seterika hingga mengakibatkan kematian seharusnya menjadi pengajaran buat semua pihak.

**INFO**

- **Pandang serius kes buli kerana mampu beri kesan negatif**